



**ARAHAN PENTADBIRAN
TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)
BILANGAN 2 TAHUN 2020**

**GARIS PANDUAN
PENGURUSAN AKTIVITI PENYELIDIKAN BAGI TEMPOH SEMASA DAN SELEPAS
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan aktiviti penyelidikan ini bertujuan untuk menerangkan pelaksanaan semua aktiviti penyelidikan dan pengurusan penyelidikan di UMP. Ianya juga adalah selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dilaksanakan di seluruh negara bermula pada 4 Mei 2020. PKPB dikuatkuasakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.
- 1.2 Garis panduan ini juga bertujuan untuk menyenaraikan secara terperinci aktiviti yang boleh dilaksanakan sepanjang tempoh semasa dan selepas PKPB, di samping mengamalkan langkah berjaga-jaga dalam usaha untuk mengelakkan jangkitan COVID-19 semasa pelaksanaan aktiviti penyelidikan yang berkaitan.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Garis Panduan ini adalah terkait dengan:

- i. Pekeliling Pentadbiran Bilangan 4 Tahun 2020: Perintah Kawalan Pergerakan dan Arahan Penangguhan Seluruh Operasi Perkhidmatan Universiti Malaysia Pahang Bermula 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020
- ii. Pemakluman: Penerusan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 4: 29 April 2020 Hingga 12 Mei 2020 Bagi Warga Universiti Malaysia Pahang (UMP)
- iii. Pekeliling Pentadbiran Bil. 5 Tahun 2020: Garis Panduan Pengoperasian Pejabat UMP Bagi Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)
- iv. Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang telah diwartakan bermula 4 Mei 2020
- v. Arahan Pentadbiran Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Bilangan 1 Tahun 2020: Garis Panduan Pengoperasian Pejabat Bagi Pegawai Kementerian Pengajian Tinggi Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat
- vi. Panduan Sektor R&D dan Makmal-Makmal Ujian yang telah dikeluarkan oleh pihak MOSTI pada 4 Mei 2020.
- vii. Kenyataan Media Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 27 Mei 2020 berkenaan Pengendalian Aktiviti Akademik Di Kampus Institusi Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
- viii. *Advisory Note* No. 4/2020: Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan bertarikh 29 Mei 2020 oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

- 2.2 Penularan wabak COVID-19 telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan rakyat. Dalam usaha untuk memelihara kebajikan warga UMP, beberapa tindakan perlu dilaksanakan untuk memastikan persekitaran tempat kerja yang selamat dan kondusif dapat diwujudkan.
- 2.3 Walau bagaimanapun selaras dengan pindaan dari Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ke Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) maka satu Prosedur Operasi Standard (SOP) atau Garis Panduan yang lebih terperinci perlu digariskan bagi memastikan para penyelidik dapat meneruskan aktiviti penyelidikan. UMP telah menggariskan beberapa langkah tindakan yang boleh dipraktikkan sepanjang tempoh PKPB dan ianya tertakluk kepada panduan keselamatan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).
- 2.4 Garis panduan ini juga dikeluarkan sebagai rujukan dan panduan kepada universiti bagi pelaksanaan aktiviti penyelidikan sepanjang tempoh semasa dan selepas PKPB.

3. KAEDAH PELAKSANAAN AKTIVITI PENYELIDIKAN

- 3.1 Kaedah pelaksanaan aktiviti penyelidikan merangkumi perkara berikut:
- i. Penyelidikan/pengujian
 - ii. Perkhidmatan analitikal
 - iii. Audit penyelidikan
 - iv. Kerja penyelenggaraan di makmal penyelidikan
 - v. Kalibrasi (pengukuran penyelidikan)
 - vi. Kerja bengkel dan fabrikasi

3.2 Waktu Beroperasi

3.2.1 Waktu beroperasi yang ditetapkan adalah mengikut kepada Pekeliling Pentadbiran Bil. 5 Tahun 2020: Garis Panduan Pengoperasian Pejabat UMP Bagi Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)

3.2.2 Pelaksanaan ini adalah tertakluk kepada arahan dari masa ke semasa oleh Kerajaan dan Kementerian Kesihatan Malaysia

3.2.3 Staf dan pelajar diwajibkan membawa kad matrik setiap kali keluar masuk kampus dalam tempoh ini.

3.3 Peraturan masuk ke kampus bagi staf, pelajar dan pelawat dari industri

3.3.1 Sebelum dibenarkan masuk kampus, semua staf/pelajar diwajibkan mengambil tindakan seperti berikut:

i. Deklarasi Kesihatan

- a. Staf/pelajar diwajibkan untuk membuat pengakuan sendiri (*self-declaration*) dengan jujur berkaitan status kesihatan di aplikasi MySejahtera dan *Google Drive* PKU secara dalam talian apabila ke UMP setiap hari bekerja sebelum memasuki kampus;
- b. Staf/pelajar yang tidak sihat dan mempunyai simptom tidak dibenarkan masuk ke kampus.

ii. Permohonan melaksanakan tugas di makmal oleh pelajar:

- a. Pelajar diberi kebenaran untuk menjalankan dan meneruskan penyelidikan di makmal-makmal yang berkaitan;

- b. Pelajar yang berkenaan boleh memohon kebenaran untuk masuk ke makmal melalui penyelia dan penyelia perlulah memohon kelulusan dari pihak Fakulti atau PTJ dengan menyertakan sekali keputusan kesihatan sebelum pelajar dibenarkan melaksanakan tugas di makmal;
 - c. Pelajar yang telah diluluskan menjalankan kerja di makmal/ruang kerja perlu mengambil tindakan sepertimana yang telah termaktub di dalam Garis Panduan ini.
- iii. Permohonan masuk oleh pihak luar selain staf dan pelajar:
- a. Bagi permohonan kebenaran masuk kepada pelawat luar dari industri seperti staf syarikat atau agensi yang terlibat dengan proses penyelidikan, penggunaan fasiliti makmal atau melibatkan perjanjian MoU/MoA, adalah dibenarkan dengan kebenaran khas oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan ianya perlulah mengikut tatacara masuk ke dalam kampus sepertimana yang telah ditetapkan oleh Universiti
 - b. Kelulusan kebenaran masuk pihak luar yang berkenaan perlu dipanjangkan kepada Bahagian Pengarah Bahagian Keselamatan dan Dekan Fakulti atau Ketua PTJ berkaitan.

3.3.2 Merekod kehadiran

Staf/pelajar yang bekerja di makmal adalah diwajibkan untuk merekodkan kehadiran dengan mengambil tindakan seperti berikut:

- i. Staf adalah diwajibkan untuk merekod kehadiran masuk dan keluar melalui sistem kehadiran mengikut waktu bekerja yang telah ditetapkan.
- ii. Kehadiran pelajar dan pelawat dari industri perlu dicatat di buku rekod log kehadiran yang disediakan di setiap makmal dengan menyatakan butiran seperti berikut:
 - a. Tarikh aktiviti
 - b. Masa aktiviti
 - c. Lokasi
 - d. Tujuan aktiviti diadakan
 - e. Senarai nama (nama penuh dan nombor matrik/ nombor kad pengenalan)
 - f. Nombor telefon untuk dihubungi

3.4 Pelaksanaan aktiviti penyelidikan

Garis panduan pelaksanaan aktiviti ini adalah merujuk kepada Garis Panduan yang telah dikeluarkan oleh pihak MOSTI dan KPT dan digunakan sehingga wabak Covid-19 dapat diatasi. Perkara di bawah perlu diambil tindakan:

- i. Ketua makmal perlu mengadakan kawalan bilangan staf dan pelajar yang berada dalam makmal pada sesuatu masa dan kehadiran staf/pelajar boleh dibuat secara giliran iaitu dengan memastikan ianya tidak melebihi 30% dari jumlah keseluruhan staf/pelajar yang berada di makmal penyelidikan berkenaan;
- ii. Semua makmal perlu memastikan aliran pengudaraan berfungsi dengan baik;
- iii. Bagi pelaksanaan tugas di makmal, ketua makmal perlu memastikan sekurangnya terdapat 2 orang pada satu-satu masa;
- iv. Ketua PTJ hendaklah memastikan bilangan staf yang hadir diminimakan dan hanya berdasarkan kepada keperluan sahaja;

- v. Bagi penugasan yang melibatkan pelajar, penyelia perlu memastikan adanya keperluan yang digariskan di bawah infrastruktur penyelidikan yang meliputi 4 perkara iaitu:
- a. Perkhidmatan yang berkaitan dengan infrastruktur penyelidikan
 - b. Penyelenggaraan alatan penyelidikan yang kritikal untuk dibuat secara berkala dan konsisten;
 - c. Penyelenggaraan bahan penyelidikan yang kritikal dan mesti dibuat secara berkala dan konsisten;
 - d. Penyediaan perkhidmatan penyelidikan yang kritikal dalam menangani isu yang berkaitan COVID-19 iaitu yang berteraskan kepada penyelidikan yang bersifat *essentials* dan kritikal (yang ditetapkan oleh pihak KPT. Semua penyelidikan yang berkepentingan juga boleh dijalankan dengan syarat mengikuti SOP yang telah ditetapkan sepertimana penyelidikan yang bersifat kritikal dan *essentials*;
 - e. Digalakkan penyeliaan, perbincangan bersama staf, pelajar dan ahli penyelidik yang lain menggunakan *platform 'web conferencing'* atas talian yang sedia ada seperti *Cisco Webex, Big Blue Button, Skype, Google Hangout, Zoom* dan lain-lain untuk meminimumkan aktiviti berbentuk fizikal sehingga wabak Covid-19 dapat diatasi;
 - f. Aktiviti penyelidikan yang boleh dilaksanakan dalam talian hendaklah dilaksanakan secara '*work from home*' sahaja;
 - g. Aktiviti penyelidikan yang melibatkan '*field work*' di luar universiti boleh dilaksanakan dengan syarat mengikut SOP keselamatan yang digariskan oleh KKM
 - h. Aktiviti penyelidikan yang melibatkan '*field work*' di dalam universiti boleh diteruskan, walaubagaimanapun perlu mengambil tindakan keselamatan seperti aktiviti

penyelidikan di makmal. Kehadiran secara fizikal perlulah terkawal dengan tidak melibatkan kehadiran melebihi 10 orang dalam satu masa. Kebenaran juga perlu dimohon kepada Ketua PTJ dan kehadiran perlu direkodkan;

- i. Staf dan pelajar disarankan menggunakan masa sepanjang PKPB ini untuk mempertingkatkan aktiviti penyelidikan seperti kajian literatur, penghasilan jurnal, makalah, kertas persidangan, penulisan buku dan lain-lain;
- j. Bagi urusan kerja di dalam makmal, tindakan yang perlu dibuat adalah sepertimana yang telah dinyatakan di klausa 3.2 hingga 3.4 sepanjang tempoh PKPB;

3.5 Aktiviti dan protokol penyelidikan

Semua aktiviti yang dijalankan di makmal penyelidikan perlu mematuhi panduan keselamatan sepertimana yang telah digariskan oleh KKM dan turut merujuk panduan yang dikeluarkan oleh MOSTI dan KPT seperti berikut:

3.5.1 Pembasmian dan nyah cemar premis/makmal penyelidikan

- i. Staf/pelajar perlu memastikan proses sanitasi dan pembersihan dilaksanakan sebelum dan selepas aktiviti penyelidikan dilaksanakan. Staf dan pelajar juga diwajibkan untuk melakukan penyahkumuh (disinfeksi) di permukaan yang mudah dicemari kuman seperti permukaan meja, tombol dan lain-lain yang berkaitan sebanyak dua kali sehari iaitu sebelum aktiviti penyelidikan bermula dan selepas aktiviti penyelidikan tamat (sebelum pulang).
- ii. Ketua makmal perlu menyediakan '*hand sanitizer*'/ '*disinfecting kits*' di pintu masuk ruang makmal/kerja dan semua kawasan umum.

3.5.2 Penjarakan sosial, tatacara keselamatan dan kesihatan staf/pelajar/pelawat industri

- i. Staf/pelajar/pelawat industri wajib mengenakan 'face mask' di makmal/ruang kerja dan di semua kawasan umum.
- ii. Memastikan garis panduan penjarakan sosial seperti tanda jarak satu (1) meter di lantai, meja dan kerusi dilaksanakan di ruang makmal/kerja.

3.6 Tanggjawab staf/pelajar/pelawat industri

3.6.1 Staf/pelajar/pelawat industri perlu memaklumkan kepada ketua makmal jika mempunyai gejala seperti demam/selsema/batuk/sakit tekak dan perlu mendapatkan pemeriksaan kesihatan dengan segera.

3.6.2 Staf/pelajar/pelawat industri hendaklah sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh waktu bekerja.

3.6.3 Staf/pelajar/pelawat industri hendaklah sentiasa merekodkan kehadiran melalui sistem dalam talian atau buku log bagi pelajar dan pelawat dari industri.

3.6.4 Staf dan pelajar dikehendaki mematuhi:

- i. Panduan Kawalan Keselamatan Kampus Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat yang dikuatkuasakan oleh Universiti
- ii. Panduan Keluar Masuk Kampus Untuk Staf Bagi Jenis Pekerjaan Yang Tidak Boleh Dilaksanakan Dari Rumah Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat yang dikuatkuasakan oleh Universiti

3.7 Panduan Umum

Panduan umum ini juga dikeluarkan adalah berdasarkan kepada garis panduan dari KKM yang mana semua staf/pelajar/pelawat industri diwajibkan untuk mematuhiya sepertimana berikut:

- i. Elakkan bersalaman dan bersentuhan
- ii. Melaksanakan penjarakan sosial satu (1) meter daripada orang lain
- iii. Memakai '*face mask*', kerap membasuh tangan dan melaksanakan tindakan sepertimana yang disarankan oleh KKM
- iv. Mengelakkan perhimpunan/perbincangan yang melibatkan lebih 10 orang dalam satu masa
- v. Melaksanakan kerja-kerja sanitasi ruang kerja di makmal dan sekitar kawasan makmal seperti tombol pintu/permukaan meja/peralatan makmal dan lain-lain yang dirasakan perlu serta berisiko.
- vi. Hanya satu pintu masuk sahaja yang dibenarkan dibuka ketika waktu bekerja bagi tujuan pengawalan keluar masuk staf/pelajar/pelawat industri.
- vii. Staf/pelajar/pelawat industri yang didapati suhu melebihi 37.5 celcius adalah tidak dibenarkan masuk.

4. SARINGAN KESELAMATAN

Staf/pelajar/pelawat industri yang telah mendapat kebenaran masuk ke dalam kampus perlu mematuhi SOP Bahagian Keselamatan di pintu utama sebelum masuk ke kampus. Pihak Bahagian Keselamatan berhak untuk tidak membenarkan mana-mana staf/pelajar/pelawat industri dari masuk ke dalam kampus.

5. PELANGGARAN PERATURAN

Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap staf/pelajar yang gagal mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa. Staf juga adalah tertakluk kepada Akta Badan–Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) dan peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa dan yang mana bersesuaian.

6. KUATKUASA

6.1 Garis panduan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan bagi tempoh semasa dan selepas Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sehingga tempoh atau mana-mana tempoh lain yang dimaklumkan oleh Kerajaan.

6.2 Garis panduan ini membatalkan Garis Panduan Aktiviti Penyelidikan Sepanjang Tempoh Kuatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan Bermula 15 April 2020 Hingga 28 April 2020 yang telah dikeluarkan pada 15 April 2020.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Memasyarakatkan Teknologi”

Saya yang menjalankan amanah,



PROFESOR TS. DR. KAMAL ZUHAIRI BIN ZAMLI

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Tarikh: 3 Jun 2020